

# PROGRAM ZIARAH SEMPENA RAMADHAN DI INSMAT

[airforce.mil.my/berita/berita-dari-pusat-latihan/5017-program-ziarah-sempena-ramadhan-di-insmat-2](http://airforce.mil.my/berita/berita-dari-pusat-latihan/5017-program-ziarah-sempena-ramadhan-di-insmat-2)

KINRARA, 21 Mei 19 – Institut Latihan Pengurusan Materiel telah melaksanakan Program Ziarah Sempena Ramadhan dengan kerjasama Persatuan BAKAT INSMAT.

Program ziarah ini diadakan bertujuan untuk menyampaikan peruntukan bantuan Aidilfitri Tabung Kebajikan TUDM dan sumbangan daripada pihak INSMAT sendiri kepada balu anggota di bawah jagaan INSMAT iaitu Puan Norfatimah binti Ibrahim, balu kepada Allahyarham Kapt Mansur bin Mahnul TUDM.

Pegawai Memerintah dan isteri, Puan Tutty Azura binti Mohd Salleh turut mengambil peluang untuk menyampaikan duit raya kepada anak-anak beliau.

